

NOTA NILAI-NILAI MURNI

Nilai-nilai Murni

1.	baik hati	suka menolong orang lain
2□	berdikari	bergantung kepada diri sendiri (tidak bergantung kepada orang lain)
3□	berhemah tinggi	mempunyai budi pekerti yang baik
4.	hormat-menghormati	saling memberi hormat
5.	kasih sayang	perasaan sayang (terhadap seseorang atau sesuatu), cinta
6.	keadilan	sifat yang adil
7.	kebebasan	keadaan bebas
8.	keberanian	kegagahan
9.	kebersihan fizikal dan mental	Kebersihan berkenaan badan/ jasmani dan pemikiran
10.	kejujuran	kelurusan hati, ketulusan hati
11.	kerajinan	ketekunan
12.	kerjasama	kerja (usaha) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak)
13.	kesederhanaan	keadaan sederhana
14.	kesyukuran	rasa syukur
15□	patriotisme / semangat patriotik	perasaan cinta yang amat kuat terhadap tanah air
16.	rasional	logik, patut, menurut fikiran yang sihat, secara wajar, sesuai dengan akal (waras)
17.	semangat bermasyarakatan	semangat hidup sebagai satu masyarakat
18.	tolong-menolong	bantu membantu
19.	bertoleransi	sedia menghormati atau menerima pendapat (pendirian dan sebagainya) orang lain yang berbeza daripada pendapat

ARAHAN: Baca petikan cerita di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Kempen Sayangi Sekolah

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Indah sedang berucap dalam majlis perasmian "Kempen Sayangi Sekolah".

Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi,

Marilah kita **melafazkan** rasa syukur yang tidak terhingga kerana diberikan kesempatan untuk berhimpun pada pagi ini. Hari ini kita akan melancarkan "Kempen Sayangi Sekolah". Kita bertuah kerana sekolah kita lengkap dengan segala kemudahan. "Kempen Sayangi Sekolah" adalah bertepatan dengan harapan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membina modal insan **minda** kelas pertama. Hal ini selaras dengan usaha kerajaan menuju **status** negara maju menjelang tahun 2020.

Warga sekolah yang dihormati,

Sesungguhnya kita ialah sebuah keluarga yang besar. Konsep satu keluarga dan konsep sekolah terbuka menjadi amalan sekolah ini. Warga sekolah ini juga mengamalkan budaya murni 5S1H, iaitu salam, senyum, sayang, sopan, santun dan hormat. Pihak kami bersedia untuk menerima cadangan dan pandangan yang membina demi meningkatkan prestasi murid. Saya pasti sudah tentu perasaan sayang terhadap sekolah bukanlah bermusim, tetapi sepanjang masa. Maka, besarlah harapan saya agar pelancaran "Kempen Sayangi Sekolah" pada pagi ini bakal mencapai **matlamat**. Marilah kita bersama-sama menyayangi sekolah kita dengan **sepenuh jiwa dan raga tanpa berbelah bahagi**.

Sekian sahaja ucapan saya. Dengan ini, saya melancarkan "Kempen Sayangi Sekolah".

1. Nyatakan nilai-nilai yang boleh diamalkan untuk menjayakan "Kempen Sayangi Sekolah".

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

ARAHAN: Baca dialog di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikut.



1. Nyatakan nilai murni yang terdapat dalam dialog tersebut.

i. _____

ii. _____

iii. _____